

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
27 SEPTEMBER 2022**

---

**1. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI PEMBAYARAN  
CUKAI TAKSIRAN, SEWAAN & KOMPAUN MBSP MELALUI  
APLIKASI ASPIRE SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan Promosi Pembayaran Cukai Taksiran, Sewaan & Kompaun MBSP melalui Aplikasi ASPIRE Seberang Perai yang telah bermula pada 23 Mei 2022 telah pun tamat pada 31 Ogos 2022 yang lalu. Aplikasi ASPIRE Seberang Perai telah berjaya mendapat lebih daripada 12,000 pengguna berdaftar semenjak ianya dilancarkan. Sepanjang tempoh promosi diadakan, ASPIRE telah berjaya membuat kutipan hasil melalui penggunaan aplikasi iaitu sebanyak **RM2.08 juta**.

Majlis cabutan nama pemenang yang bertuah bersempena promosi ini akan ditentukan selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini. Majlis cabutan pemenang akan diadakan di Dewan Kenanga Menara Bandaraya MBSP dan ianya juga boleh disaksikan secara langsung melalui Facebook MBSP.

Hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan adalah ditaja oleh MBSP, AmBank (M) Berhad dan Pro Office Solutions Sdn Bhd. MBSP mengucapkan jutaan penghargaan di atas kerjasama strategik ini. Semoga ianya berterusan di masa akan datang.

Pemenang-pemenang yang berjaya akan dihubungi melalui telefon, emel atau surat untuk urusan tuntutan hadiah. Pemenang akan diminta untuk menetapkan temujanji untuk urusan tuntutan dan ianya perlu dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan. Senarai nama pemenang yang bertuah boleh mula disemak di laman web MBSP iaitu [www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my) mulai 28 September 2022 (Selasa).

## **2. SAMBUTAN MAULIDUR RASUL**

Dimaklumkan bahawa Sambutan Maulidur Rasul pada 9 Oktober 2022 (Ahad) dan ianya merupakan Hari Kelepasan Am. Maulidur Rasul iaitu hari bersejarah Keputeraan Nabi Muhammad yang jatuh pada setiap 12 Rabiulawal. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul.

### **3. MBSP CITY WALK 2022**

Dimaklumkan bahawa MBSP akan menganjurkan program berjalan kaki MBSP *City Walk* 2022 yang akan diadakan pada 10 Oktober 2022 (Isnin) bertempat di perkarangan Menara Bandaraya, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam.

MBSP berharap dengan program ini dapat mengeratkan lagi hubungan warga MBSP bersama-sama penduduk Seberang Perai. Pendaftaran untuk program ini masih dibuka sehingga 30 September 2022 dan maklumat berkenaan pendaftaran boleh didapati dari laman web MBSP, facebook MBSP serta laman web pendaftaran [howei.com](http://howei.com) dan [ticket2u.com.my](http://ticket2u.com.my).

### **4. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI PADA 24 OKTOBER 2022**

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Hindu. Hari Deepavali disambut pada 24 Oktober 2022 (Isnin) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**